

## **LAMPIRAN 1**

### **MEMUDAHKAN PENGIRAAN ELAUN BANGUNAN INDUSTRI**

#### **Kedudukan Semasa**

Pada masa ini, Elaun Bangunan Industri (EBI) bagi bangunan yang telah digunakan dikira berdasarkan nilai baki kos pembinaannya. Pembeli dikehendaki mendapatkan maklumat mengenai kos pembinaan dan baki perbelanjaan bangunan daripada penjual bagi tujuan menuntut EBI.

#### **Cadangan**

Bagi memudahkan tuntutan EBI serta meningkat kecekapan pentadbiran cukai, adalah dicadangkan pengiraan EBI bagi bangunan yang dibeli dikira berdasarkan pada harga pembelian semasa di mana penjual akan dikenakan elaun imbangan atau kenaan imbangan. Walau bagaimanapun, bagi penjual yang memiliki bangunan sebelum kuat kuasa cadangan ini, kenaan imbangan tidak terpakai jika bangunan tersebut dijual selepas 50 tahun daripada tarikh bangunan dibina.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2005.

## **LAMPIRAN 2**

### **KAJIAN SEMULA TARIKH AKHIR MEMFAILKAN TAKSIRAN CUKAI PENDAPATAN BAGI BUKAN SYARIKAT**

#### **Kedudukan Semasa**

Sistem Taksir Sendiri (STS) telah dilaksanakan bagi syarikat pada tahun 2001 sementara pembayar cukai bukan syarikat, ianya berkuat kuasa mulai tahun 2004. Di bawah STS, pembayar cukai bukan syarikat termasuk peniaga tunggal, perkongsian, kelab, persatuan dan keluarga sekutu Hindu dikehendaki memfailkan Borang Cukai Pendapatan tidak lewat daripada 30 April pada setiap tahun, manakala badan amanah dan koperasi pula dikehendaki memfailkannya tidak lewat daripada 7 bulan selepas penutupan akaun.

Pembayar cukai bukan syarikat yang mempunyai pendapatan perniagaan memerlukan lebih masa untuk menyediakan akaun dan seterusnya menentukan cukai kena bayar.

### **Cadangan**

Bagi memberi lebih masa kepada peniaga tunggal, perkongsian, kelab, persatuan dan keluarga sekutu Hindu untuk mengemukakan Borang Cukai Pendapatan yang lengkap dan teratur, adalah dicadangkan tarikh akhir memfailkan Borang tersebut dilanjutkan daripada 30 April kepada 30 Jun setiap tahun.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2004.

### **LAMPIRAN 3**

#### **POTONGAN CUKAI KE ATAS ZAKAT PERNIAGAAN YANG DIBAYAR OLEH SYARIKAT**

##### **Kedudukan Semasa**

Zakat yang dibayar ke atas pendapatan oleh syarikat luar pesisir Labuan diberi rebat cukai bagi maksud cukai pendapatan di bawah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 (LOBATA) tertakluk kepada had maksimum 3% daripada keuntungan bersih atau RM20,000.

Zakat yang dibayar ke atas pendapatan termasuk zakat perniagaan oleh lain-lain syarikat tidak diberi rebat cukai atau potongan bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

### **Cadangan**

Bagi mengurangkan kos pengendalian perniagaan, adalah dicadangkan bayaran zakat oleh syarikat kepada pihak berkuasa agama Islam diberi potongan bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan sehingga 2.5% daripada pendapatan agregat.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2005.

## LAMPIRAN 4

### KAJIAN SEMULA LAYANAN CUKAI KE ATAS PERSATUAN PERDAGANGAN

#### Kedudukan Semasa

Pada masa ini, pendapatan statutori daripada yuran keahlian persatuan perdagangan dikecualikan cukai pendapatan dengan menggunakan formula berikut:

$$\text{Pendapatan yang dikecualikan cukai} = \frac{\text{Bayaran yuran}}{\text{Pendapatan kasar}} \times \text{Pendapatan statutori}$$

Formula tersebut tidak memanfaatkan persatuan perdagangan yang aktif dan menerima lebih pendapatan daripada perniagaan berbanding dengan pendapatan daripada yuran.

#### Cadangan

Bagi membantu dan menggalakkan persatuan perdagangan menambah dana daripada sumber selain daripada yuran ahli, adalah dicadangkan pendapatan statutori daripada yuran ahli yang dikecualikan dikira mengikut kaedah *attributable* berhubung dengan perbelanjaan sebenar.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2005.

## LAMPIRAN 5

### LANJUTAN TEMPOH SKIM GALAKAN BAGI PENGELUARAN BAHAN MAKANAN

#### Kedudukan Semasa

Pada masa ini, syarikat yang melabur dan syarikat subsidiarinya yang menjalankan aktiviti dalam pengeluaran bahan makanan diberi galakan cukai berikut:

**Pilihan Pertama:**

- i. syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiarinya yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan diberi potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat dalam syarikat subsidiari tersebut; dan
- ii. syarikat subsidiari yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan diberi pengecualian cukai pendapatan 100% ke atas pendapatan statutori selama 10 tahun bagi pelaburan baru atau 5 tahun bagi pelaburan semula. Tempoh pengecualian bermula dari tahun pertama syarikat mendapat keuntungan di mana:
  - (a) kerugian sebelum bermula tempoh pengecualian cukai dibenarkan dibawa ke hadapan selepas tempoh pengecualian cukai;
  - (b) kerugian dalam tempoh pengecualian cukai juga dibenarkan dibawa ke hadapan selepas tempoh pengecualian cukai; dan
  - (c) dividen yang dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan cukai diberi pengecualian di peringkat pemegang saham.

**Pilihan Kedua:**

- i. syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiarinya yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan diberi *group relief* ke atas kerugian syarikat subsidiarinya bagi tempoh sebelum ia membuat keuntungan; dan
- ii. syarikat subsidiari yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan diberi pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan statutori selama 10 tahun bagi pelaburan baru atau 5 tahun bagi pelaburan semula bermula dari tahun pertama syarikat mendapat keuntungan di mana:
  - (a) kerugian dalam tempoh pengecualian cukai dibenarkan dibawa ke hadapan selepas tempoh pengecualian cukai; dan
  - (b) dividen yang dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan cukai diberi pengecualian di peringkat pemegang saham.

Galakan ini diberi dengan syarat:

- i. syarikat yang melabur hendaklah memiliki 100% ekuiti syarikat yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan tersebut;
- ii. bahan makanan dan aktiviti yang layak adalah seperti yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Bahan yang telah diluluskan adalah sayur-sayuran, buah-buahan, herba, rempah ratus, akuakultur, penternakan lembu, kambing, biri-biri, perikanan laut dalam dan kenaf; serta
- iii. projek pengeluaran bahan makanan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh selewat-lewatnya satu tahun daripada tarikh galakan diluluskan.

Galakan di atas adalah untuk permohonan yang diterima sehingga 31 Disember 2005.

### **Cadangan**

Bagi meningkatkan pengeluaran bahan makanan dan menarik lebih banyak syarikat untuk menceburi bidang yang telah dikenalpasti iaitu sayur-sayuran, buah-buahan, herba, rempah ratus, akuakultur, penternakan lembu, kambing, biri-biri, perikanan laut dalam dan *kenaf*, adalah dicadangkan:

- i. syarat pemilikan ekuiti oleh syarikat pelabur dalam syarikat subsidiari dilonggarkan daripada 100% kepada sekurang-kurangnya 70% berkuat kuasa mulai 11 September 2004; dan
- ii. skim galakan ini dilanjutkan bagi permohonan yang diterima sehingga 31 Disember 2010.

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

### **LAMPIRAN 6**

#### **ELAUN MODAL DIPERCEPATKAN UNTUK SEKTOR PERTANIAN**

#### **Kedudukan Semasa**

Pada masa ini, jentera dan peralatan yang digunakan oleh syarikat di sektor pertanian termasuk perladangan layak diberi elaun modal iaitu elaun

permulaan sebanyak 20% dan elaun tahunan di antara 10% dan 20%. Dengan itu, tempoh tuntutan elaun modal adalah di antara 4 dan 8 tahun.

## Cadangan

Untuk mengurangkan pergantungan kepada tenaga buruh dan meningkatkan penggunaan mesin dan peralatan, adalah dicadangkan supaya syarikat yang melakukan perbelanjaan modal ke atas jentera dan peralatan yang digunakan di sektor pertanian termasuk perladangan diberi Elaun Modal Dipercepatkan bagi tempoh 2 tahun di mana elaun tahunan dinaikkan daripada di antara 10% dan 20% kepada 40%.

Jentera dan peralatan yang layak diberi Elaun Modal Dipercepatkan akan ditentukan oleh Menteri Kewangan.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2005.

## LAMPIRAN 7

### MELUASKAN SKOP GALAKAN CUKAI BAGI MEMODENKAN SISTEM PENTERNAKAN AYAM DAN ITIK

#### Kedudukan Semasa

Pada masa ini, penternak ayam/itik daging dan telur yang melabur semula bagi tujuan menukar cara penternakan daripada sistem reban terbuka kepada sistem reban tertutup diberi Elaun Pelaburan Semula (EPS) bagi tempoh 15 tahun berturut-turut bermula dari tahun pertama pelaburan dibuat seperti berikut:

- i. projek yang terletak di kawasan yang digalakkan iaitu Koridor Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak diberi EPS sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang dilakukan. Jumlah elaun yang dikurangkan bagi suatu tahun taksiran dibenarkan sehingga 100% daripada pendapatan statutori; dan
- ii. projek yang berada di luar kawasan yang digalakkan diberi EPS sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang dilakukan. Elaun yang dikurangkan bagi setiap tahun taksiran dihadkan kepada 70% daripada pendapatan statutori.

Galakan ini diberi dengan syarat penternak memenuhi kriteria berikut:

- i. menternak sekurang-kurangnya 20,000 ekor ayam/itik daging bagi setiap pusingan; atau
- ii. menternak sekurang-kurangnya 50,000 ekor ayam/itik telur bagi setiap pusingan.

### **Cadangan**

Sebagai langkah berterusan untuk memodenkan sistem penternakan ayam/itik melalui penggunaan sistem yang mesra alam, adalah dicadangkan skop galakan EPS kepada penternak ayam/itik telur dan daging diperluaskan kepada penternak ayam/itik baka tertakluk kepada syarat:

- i. menternak sekurang-kurangnya 20,000 ekor ayam/itik baka bagi setiap pusingan; dan
- ii. projek hendaklah mendapat kelulusan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2005.

## **LAMPIRAN 8**

### **POTONGAN DUA KALI KE ATAS PERBELANJAAN UNTUK MENDAPATKAN SIJIL HALAL DAN SIJIL SISTEM KUALITI DAN STANDARD**

#### **Kedudukan Semasa**

Pada masa ini, syarikat yang melakukan perbelanjaan bagi mendapatkan sijil halal serta sijil sistem kualiti dan standard diberi potongan sekali bagi maksud pengiraan cukai pendapatan.

### **Cadangan**

Dalam usaha meningkatkan daya saing produk keluaran tempatan di pasaran global khususnya produk halal adalah dicadangkan potongan dua kali bagi maksud pengiraan cukai pendapatan diberi kepada:

- i. syarikat yang melakukan perbelanjaan untuk mendapat sijil sistem kualiti dan standard serta sijil halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM); dan
- ii. syarikat yang melakukan perbelanjaan untuk mendapat sijil sistem kualiti dan standard antarabangsa.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2005.

## **LAMPIRAN 9**

### **GALAKAN CUKAI BAGI PENGETAHUAN MAKANAN HALAL**

#### **Kedudukan Semasa**

Pada masa ini, pengeluaran makanan yang digalakkan diberi insentif seperti berikut:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 70% ke atas pendapatan statutori selama 5 tahun; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan 60% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun yang dikurangkan bagi suatu tahun taksiran dihadkan kepada 70% daripada pendapatan statutori.

Di samping itu, syarikat kecil yang mengeluarkan makanan yang digalakkan diberi insentif seperti berikut:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 100% ke atas pendapatan statutori selama 5 tahun; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan 100% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Jumlah elaun yang dikurangkan bagi suatu tahun taksiran dibenarkan sehingga 100% daripada pendapatan statutori.

## **Cadangan**

Bagi menggalakkan pelaburan baru dalam bidang pengeluaran makanan halal untuk pasaran eksport dan untuk meningkatkan penggunaan mesin dan peralatan moden serta canggih dalam menghasilkan makanan halal yang berkualiti tinggi dan menepati standard antarabangsa, adalah dicadangkan syarikat pengeluar makanan halal diberi Elaun Cukai Pelaburan 100% daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Jumlah elaun yang dikurangkan bagi suatu tahun taksiran dibenarkan sehingga 100% daripada pendapatan statutori.

Galakan ini diberi dengan syarat syarikat hendaklah memperolehi sijil halal Malaysia dan lain-lain sijil kualiti yang berkaitan terlebih dahulu.

Cadangan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) mulai 11 September 2004.

## **LAMPIRAN 10**

### **PENGECUALIAN CUKAI KE ATAS PENDAPATAN FAEDAH DARIPADA BON KEPADA SYARIKAT BUKAN PEMASTAUTIN**

#### **Kedudukan Semasa**

Pada masa ini, syarikat pemastautin atau bukan pemastautin tidak diberi pengecualian cukai ke atas pendapatan faedah daripada pelaburan dalam sekuriti dan debentur. Walau bagaimanapun, individu, unit amanah atau *listed closed-end fund* pemastautin atau bukan pemastautin, diberi pengecualian cukai ke atas pendapatan faedah yang diperolehi daripada pelaburan dalam sekuriti dan debentur berikut:

- i. sekuriti atau bon yang dikeluarkan atau dijamin oleh Kerajaan;
- ii. debentur, selain dari stok pinjaman boleh tukar (*convertible loan stock*), yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; dan
- iii. Bon Simpanan Malaysia yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

## **Cadangan**

Bagi memperluaskan pasaran modal tempatan, adalah dicadangkan pengecualian cukai diberi ke atas pendapatan faedah yang diperolehi oleh syarikat bukan pemastautin daripada:

- i. sekuriti Islam dan debentur yang dikeluarkan dalam ringgit, selain daripada stok pinjaman boleh tukar (*convertible loan stock*), yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti; dan
- ii. sekuriti yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 11 September 2004.

## **LAMPIRAN 11**

### **LAYANAN CUKAI BAGI INDUSTRI KEWANGAN DAN PASARAN MODAL ISLAM**

## **Kedudukan Semasa**

Produk kewangan dan pasaran modal Islam memerlukan beberapa transaksi dan instrumen tambahan untuk mematuhi prinsip Syariah. Ini telah menyebabkan produk tersebut menanggung beban cukai dan duti tambahan seperti duti setem, cukai keuntungan harta tanah dan cukai pendapatan berbanding dengan produk konvensional. Bagi memastikan produk tersebut mampu bersaing dengan produk konvensional, pengecualian cukai dan duti telah dipertimbangkan secara kes demi kes.

## **Cadangan**

Dalam usaha untuk merangsang pembangunan produk kewangan dan pasaran modal Islam bagi tujuan memastikan beban cukai yang sama dengan produk konvensional, adalah dicadangkan supaya apa-apa cukai atau duti tambahan dikecualikan sekiranya:

- i. produk kewangan Islam diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia; dan
- ii. produk pasaran modal Islam diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti.

Produk kewangan Islam adalah termasuk produk yang ditawarkan oleh mana-mana pihak yang bukan di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia tertakluk kepada kelulusan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia.

Cadangan ini berkuat kuasa bagi produk yang diluluskan mulai 11 September 2004.

## **LAMPIRAN 12**

### **LAYANAN CUKAI KE ATAS FAEDAH TERGANTUNG**

#### **Kedudukan Semasa**

Pada masa ini, Bank Negara Malaysia menetapkan pinjaman yang tertunggak selama 6 bulan atau lebih, dikategorikan sebagai hutang tidak berbayar dan faedah yang terakru dikreditkan ke dalam akaun faedah tergantung. Faedah tersebut, walaupun masih belum diterima, adalah tertakluk kepada cukai pendapatan.

Dalam Bajet 2000, faedah tergantung telah dianggap sebagai peruntukan khas hutang lapuk dan dibenarkan potongan sepenuhnya dalam pengiraan cukai pendapatan bagi tahun taksiran 2000. Walau bagaimanapun, cukai dikenakan apabila faedah tersebut telah diterima.

#### **Cadangan**

Sebagai langkah memantapkan lagi aliran tunai institusi kewangan, adalah dicadangkan supaya faedah tergantung dianggap sebagai peruntukan khas hutang lapuk dan dibenarkan potongan sepenuhnya bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan. Cukai akan dikenakan ke atas faedah tergantung apabila diterima.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

## **LAMPIRAN 13**

### **KAJIAN SEMULA PELEPASAN CUKAI KE ATAS CARUMAN KEPADA KUMPULAN WANG SIMPANAN YANG DILULUSKAN ATAU TAKAFUL ATAU PREMIUM INSURANS HAYAT**

#### **Kedudukan Semasa**

Pada masa ini, pembayar cukai pendapatan individu diberi pelepasan cukai ke atas caruman kepada kumpulan wang simpanan yang diluluskan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau takaful atau bayaran premium insurans hayat sehingga RM5,000 bagi setiap tahun.

#### **Cadangan**

Bagi menggalakkan tabungan untuk kegunaan hari tua serta mengembangkan industri insurans atau takaful, adalah dicadangkan pelepasan cukai ke atas caruman kepada kumpulan wang simpanan yang diluluskan atau takaful atau bayaran premium insurans hayat dinaikkan daripada RM5,000 kepada RM6,000.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2005.

## **LAMPIRAN 14**

### **LAYANAN CUKAI KE ATAS AMANAH PELABURAN HARTANAH**

#### **Kedudukan Semasa**

Amanah Pelaburan Hartanah (APHT), yang juga dikenali sebagai Amanah Saham Hartanah (ASHT), merupakan dana yang digembeling daripada pemegang unit yang terdiri daripada individu dan syarikat bagi pelaburan dalam sektor hartanah dan aset berkaitan.

APHT/ASHT dikenakan cukai pendapatan pada kadar 28%. Pendapatan selepas cukai yang diagihkan kepada pemegang unit layak mendapat kredit cukai.

Dalam Bajet 2004, galakan cukai berikut diberi:

- i. keuntungan dari pelupusan harta tanah oleh individu atau syarikat kepada APHT/ASHT dikecualikan daripada Cukai Keuntungan Harta Tanah; dan
- ii. surat cara pindah milik harta tanah daripada individu atau syarikat kepada APHT/ASHT dikecualikan daripada duti setem.

## Cadangan

Dalam usaha untuk menggalakkan pembangunan APHT/ASHT, adalah dicadangkan APHT/ASHT yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti diberi galakan berikut:

- i. APHT/ASHT diberi pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan kena cukai yang diagihkan kepada pemegang unit, manakala pendapatan yang tidak diagihkan dikenakan cukai pada kadar 28%;
- ii. pendapatan yang diagihkan kepada pemegang unit dikenakan cukai pada kadar cukai masing-masing. Bagi pemegang unit bukan pemastautin, cukai yang perlu dibayar sebanyak 28% akan dipegang oleh APHT/ASHT; dan
- iii. pendapatan terkumpul yang telah dikenakan cukai dan diagihkan pada masa hadapan layak mendapat kredit cukai di peringkat pemegang unit.

Bagi tujuan galakan tersebut, pemegang unit pemastautin perlu:

- i. mengisyiharkan taraf pemastautin kepada APHT/ASHT bagi tujuan mendapat agihan penuh; dan
- ii. membayar cukai ke atas pendapatan yang diterima daripada APHT/ASHT.

APHT/ASHT hendaklah memaklumkan Lembaga Hasil Dalam Negeri jumlah pendapatan yang diagihkan kepada setiap pemegang unit pemastautin bagi setiap tahun taksiran.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2005.

## **LAMPIRAN 15**

### **PENGECUALIAN DUTI HIBURAN KE ATAS PERSEMBAHAN KESENIAN DAN KEBUDAYAAN**

#### **Kedudukan Semasa**

Pada masa ini, pengecualian duti hiburan diberi seperti berikut:

- i. persembahan dan pertunjukan pentas untuk tujuan amal;
- ii. persembahan dan pertunjukan pentas oleh artis luar negara yang bertaraf antarabangsa dan disahkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan;
- iii. pementasan, pameran, pesta dan pertandingan sukan yang bertaraf antarabangsa yang diadakan di Kompleks Sukan Negara, Istana Budaya, Balai Seni Lukis Negara dan Dewan Pilharmonik Petronas;
- iv. pementasan oleh artis tempatan yang diadakan di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil dan Kompleks Sukan Bukit Kiara; dan
- v. kumpulan teater yang mengadakan pertunjukan pentas bertempat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Persembahan dan pertunjukan pentas yang melibatkan acara kebudayaan dan kesenian yang lain seperti seni tari dan seni muzik tidak diberi pengecualian duti hiburan.

#### **Cadangan**

Bagi meningkatkan kecemerlangan warisan seni dan budaya negara di samping menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat kesenian antarabangsa, adalah dicadangkan supaya persembahan kebudayaan dan kesenian oleh penggiat seni tempatan yang diadakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya diberi pengecualian sepenuhnya duti hiburan dengan syarat persembahan tersebut diluluskan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 11 September 2004.

## **LAMPIRAN 16**

### **GALAKAN CUKAI BAGI PENGGABUNGAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA**

#### **Kedudukan Semasa**

Pada masa ini, tiada galakan cukai diberikan kepada Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang bergabung.

#### **Cadangan**

Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang bergabung boleh menjadi lebih efisyen dan berdaya saing. Bagi menyokong usaha ini, adalah dicadangkan Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang bergabung diberi pengecualian duti setem dan cukai keuntungan harta tanah. Sebagai langkah untuk mempercepatkan proses penggabungan, pengecualian cukai ini hanya akan diberi kepada penggabungan yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dan dilakukan selewat-lewatnya pada 31 Disember 2006.

## **LAMPIRAN 17**

### **GALAKAN UNTUK *OUTSOURCING* AKTIVITI PEMBUATAN**

#### **Kedudukan Semasa**

Pada masa ini, terdapat syarikat tempatan termasuk pemilik jenama Malaysia yang telah *outsource* aktiviti pembuatannya kepada *contract manufacturer* sama ada di dalam atau di luar negara bagi membolehkan mereka memberi tumpuan kepada aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi. Syarikat ini mengimport bahan mentah atau komponen untuk kegunaan *contract manufacturer*. Syarikat ini tidak layak mendapat pengecualian duti import seperti mana yang dinikmati oleh syarikat pembuatan.

#### **Cadangan**

Bagi mengurangkan kos pengendalian perniagaan dan meningkatkan daya saing, adalah dicadangkan pemilik jenama Malaysia yang *outsource* aktiviti

pembuatannya diberi pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas bahan mentah dan komponen yang tidak dikeluarkan dalam negara serta keluaran separuh siap yang diimport daripada *contract manufacturer* di luar negara.

Cadangan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) mulai 11 September 2004.

## LAMPIRAN 18

### KAJIAN SEMULA DUTI IMPORT KE ATAS BARANGAN TERPILIH

#### Kedudukan Semasa

Pada masa ini, duti import yang tinggi dikenakan ke atas barang terpilih untuk melindungi pengilang tempatan. Di samping itu, terdapat beberapa bahan mentah dan komponen yang tertakluk kepada duti import manakala keluaran siap tidak dikenakan duti import. Keadaan ini tidak menggalakkan keluaran siap berkenaan dikeluarkan dalam negara memandangkan keluaran siap adalah lebih murah diimport kerana tidak berduti.

#### Cadangan

Sebagai langkah berterusan untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan perlindungan tarif secara berperingkat, adalah dicadangkan duti import ke atas 118 barang dikurangkan dan 27 barang lain dihapuskan. Barang berkaitan adalah seperti dalam senarai di bawah:

Cadangan ini berkuat kuasa mulai jam 4.00 petang 10 September 2004.

KOD TARIF	DESKRIPSI	KADAR SEMASA (%)	KADAR DICADANG (%)
2924. 21 910	- - Ureines and their derivatives; salts thereof: Other: diuron, monuron and linuron	10	5
2931. 00 210 290 300	Other organo-inorganic compounds. Organo-arsenic compounds: liquid other All salt of N-Phosphonomethyl glycine	10 15 10	5 5 5
2933. 39 100	Paraquat salts	10	5

KOD TARIF	DESKRIPSI	KADAR SEMASA (%)	KADAR DICADANG (%)
2937. 90 111 119	Plant hormones used as weed killers: in liquid form other	10 10	5 5
3808. 30 111 112 113 119 191 192 199	- Herbicides, anti-sprouting products and plant-growth regulators: Herbicides: liquid: containing monosodium acid methane arsenate, other salts and derivatives of methylarsonic acid containing diuron, monuron and linuron containing 2, 4-Dichlorophenyl salts and esters other other: containing diuron, monuron and linuron containing 2, 4-Dichlorophenyl salts and esters other	10 10 10 10 10 10	5 5 5 5 5 5
4015. 4015. 11 000 4015. 19 000	Articles of apparel and clothing accessories (including gloves, mittens and mitts), for all purposes, of vulcanised rubber other than hard rubber. - Gloves, mittens and mitts: - - Surgical - - Other	15 15	0 0
4409	Wood (including strips and friezes for parquet flooring, not assembled) continuously shaped (tongued, grooved, rebated, chamfered, V-jointed, beaded, moulded, rounded or the like) along any of its edge, ends or faces, whether or not planed, sanded or end-jointed.		
4409. 10 100 200 300 400 900	- Coniferous: Moulded Rounded Strips and friezes for parquet flooring, not assembled Sanded or finger-jointed Other	20 20 20 20 20	0 0 0 0 0
4409. 20 110 120 130 140 190 910 920 930	- Non-Coniferous: Teak: moulded rounded strips and friezes for parquet flooring, not assembled sanded or finger-jointed other Other moulded rounded strips and friezes for parquet flooring, not assembled	20 20 20 20 20 20 20 20	0 0 0 0 0 0 0 0

KOD TARIF	DESKRIPSI	KADAR SEMASA (%)	KADAR DICADANG (%)
940 990	sanded or finger-jointed other	20 20	0 0
4816	Carbon paper, self-copy paper and other copying or transfer papers, (other than those of heading No.4809), duplicator stencils and offset plates, of paper, whether or not put up in boxes.		
4816. 10 100	- Carbon or similar copying papers; carbon paper	25	0
4823	Other paper, paperboard, cellulose wadding and web of cellulose fibres, cut to size shape; other articles of paper pulp, paper, paperboard, cellulose wadding or webs of cellulose fibres.		
4823. 90 200 300	- Other Silicon paper Punched jacquard cards	20 5	0 0
5602	Felt, whether or not impregnated, coated, covered or laminated. - Other felt , not impregnated, coated, covered or laminated:		
5602. 21 100 900	- - Of wool or fine animal hair: in the piece other	25 25	0 0
5602. 29 100 900	- - Of other textile materials: in the piece other	25 25	20 20
5702	Carpets and other textile floor coverings, woven, not tufted or flocked, whether or not made up, including "Kelem", "Schumacks", "Karamanie" and similar hand-woven rugs.		
5702. 20 000	- Floor coverings of coconut fibres (coir)	25	0
5801	Woven pile fabrics and chenille fabrics, other than fabrics of Heading No. 5802 or 5806.		
	- Of cotton:		
5801. 21 110 120 130	- - Uncut weft pile fabrics: Impregnated, coated, covered or laminated: with preparation of cellulose derivates or of other plastics with oil or preparations with a basis of drying oil with rubber	30 30 25	20 20 20
5801. 22 120	- - Cut corduroy: Impregnated, coated, covered or laminated: with oil or preparations with a basis of drying oil	30	20
130 190	with rubber other	30 30	20 20
5801. 23	- - Other weft pile fabrics: Impregnated, coated, covered or laminated:		

KOD TARIF	DESKRIPSI	KADAR SEMASA (%)	KADAR DICADANG (%)
110	with preparations of cellulose derivates or of other plastics	30	20
120	with oil or preparations with a basis of drying oil	30	20
130	with rubber	25	20
190	other	25	20
5801. 24	- - Warp pile fabrics, epingle (uncut): Impregnated, coated, covered or laminated: with oil or preparations with a basis of drying oil	30	20
120	with rubber	25	20
190	Other	25	20
5801. 25	Warp pile fabrics, cut: Impregnated, coated, covered or laminated: with preparations of cellulose derivates or of other plastics	30	20
110	with oil or preparations with a basis of drying oil	30	20
120	with rubber	25	20
130		25	20
5801. 26	- - Chenille fabrics: Impregnated, coated, covered or laminated: with preparations of cellulose derivatives or of other plastics	30	20
110	with oil or preparations with a basis of drying oil	30	20
120	with rubber	25	20
190	other	25	20
5801. 31	- Of man-made fibres: - - Uncut weft pile fabrics: Impregnated, coated, covered or laminated: with preparations of cellulose derivates or of other plastics	30	20
110	with oil or preparations with a basis of drying oil	30	20
120	with rubber	25	20
130		25	20
5801. 32	- - Cut corduroy: Impregnated, coated, covered or laminated: with preparations of cellulose derivates or of other plastics	30	20
